

Muzakarah Umno-Pas berjaya: PM

BH 5 APR 1986

KUALA TERENGGANU, Jumaat — Muzakarah antara Umno dan Pas berjaya diadakan baru-baru ini dalam suasana yang baik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut beliau, sejak awal lagi, Umno berharap muzakarah itu diadakan secara diam-diam tanpa dihebohkan dan nampaknya berjaya.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata muzakarah itu diadakan untuk mencari persefahaman dan kerana itu ia diadakan secara diam-

diam, tanpa liputan media massa.

Pertemuan baru-baru ini bukan hasil daripada Umno menjemput Pas atau Pas menjemput Umno.

Bercakap kepada pemberita selepas berucap kepada pemimpin Barisan Nasional di Stadium Negeri di sini, Datuk Seri Dr Mahathir menyifatkan pertemuan baru-baru ini sebagai berjaya walaupun hanya dapat bercakap-cakap.

Mengenai Sabah, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata, beliau akan membuat laporan kepada Majlis Tertinggi Umno.

Mesyuarat MT Umno dijadual diadakan di Kuala Lumpur, Ahad ini.

Mengenai perjumpaan di kalangan MT Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ia belum ditetapkan lagi tetapi akan diadakan secepat mungkin.

Mengenai pertemuan Biro Politik di Seri Perdana malam Rabu lalu, Perdana Menteri berkata ia hanya membincangkan soal politik Umno secara umum.

Enggan

Selain itu, mesyuarat juga membincangkan soal lawatan Perdana Menteri ke seluruh negara dan kesan-kesannya.

Mesyuarat Biro Politik dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir sendiri dan dihadiri oleh Naib Presiden Umno, Datuk Seri Haji Wan Mokhtar Ahmad, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Haji Sanusi Junid.

Mengenai perlantikan Timbalan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr Mahathir enggan mengulas lebih lanjut. Ketika ditanya beliau hanya menyebut "tak tahu lah".

Sementara itu di Bukit Mertajam, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Encik Anwar Ibrahim, berkata muzakarah Umno-Pas masih berjalan dalam suasana persaudaraan Islam, meskipun Umno menghadapi masalahnya sendiri.

"Muzakarah itu tidak dibincangkan secara rasmi, hanya diadakan di peringkat beberapa pemimpin Umno dan Pas sahaja sebagai langkah pertama," katanya selepas merasmikan penubuhan Umno cawangan Kampung Rawa, dekat sini, petang ini.

Encik Anwar, yang juga Menteri Pertanian, berharap muzakarah itu akan berterusan dan berjalan dalam suasana sihat dan muhibah.

"Ia tidak perlu dihebohkan, hanya memadai diketahui oleh beberapa pemimpin sahaja kerana matlamat Islam adalah perpaduan dan bukan permusuhan," tegasnya.